



16 NOV, 2021

Keputusan kes Peter Anthony 14 Disember

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Keputusan kes Peter Anthony 14 Disember

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini menetapkan 14 Disember ini bagi memutuskan sama ada bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony dibebaskan atau dipanggil membela diri terhadap pertuduhan berkaitan dokumen palsu berhubung kontrak penyelenggaraan sistem Mekanikal dan Elektrikal (M&E) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Hakim Azura Alwi menetapkan tarikh itu selepas mendengar penghujahan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin yang mewakili pihak pendakwaan dan peguam Munawar Kabir Mohd. Zainal Abidin yang mewakili tertuduh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Malalap.

Jika mahkamah memutuskan beliau membela diri, keterangan pihak pembelaan akan didengar selama lima hari berturut-turut bermula 3 Januari

hingga 7 Januari tahun depan.

Sebelum itu, Munawar memaklumkan, pihaknya akan memanggil lapan saksi pembelaan memberi keterangan.

Wan Shaharuddin turut memohon agar pernyataan pembelaan diberikan kepada pihak pendakwaan dalam tempoh seminggu sebelum saksi-saksi memberi keterangan.

Mahkamah sedang mendengar penghujahan pada akhir kes pendakwaan terhadap Peter, 50, yang didakwa menggunakan dokumen palsu iaitu surat Pejabat Naib Canselor UMS kononnya UMS telah mengadakan kolaborasi dengan Syarikat Asli Jati Engineering Sdn. Bhd. (Asli Jati) milik tertuduh.

Peter sebagai Pengarah Urusan Asli Jati didakwa memalsukan surat pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) UMS bertarikh 9 Jun 2014 dengan memasukkan pernyataan palsu dengan niat menipu.



16 NOV, 2021

Keputusan kes Peter Anthony 14 Disember

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini menetapkan 14 Disember ini bagi memutuskan sama ada bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony dibebaskan atau dipanggil membela diri terhadap pertuduhan berkaitan dokumen palsu berhubung kontrak penyelenggaraan sistem Mekanikal dan Elektrikal (M&E) di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Hakim Azura Alwi menetapkan tarikh itu selepas mendengar penghujahan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin yang mewakili pihak pendakwaan dan peguam Munawar Kabir Mohd.